

PENILAIAN RAWATAN BAGI PENYAKIT VARIAN ARTHRITIS DARI PANDANGAN HADITH DAN MANUSKRIP PERUBATAN MELAYU

Nurulwahidah Fauzi (Penulis bersama)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri
Sembilan, Malaysia.
Tel: +601111911951, E-Mel:wahidah@usim.edu.my

Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, USIM

Abstrak

Arthritis bermaksud keradangan sendi, tetapi istilah ini digunakan untuk menggambarkan sekitar 200 keadaan yang mempengaruhi sendi, tisu yang mengelilingi sendi, dan tisu penghubung yang lain. Oleh kerana penyakit ini merupakan kesan penyakit yang paling biasa terjadi pada tubuh manusia sejak tahun 4500 SM, ia membantu mengembangkan pengetahuan pragmatik mengenai tumbuh-tumbuhan dan herba, bersama dengan idea umum mengenai cara merawat atau mengelakkan jangkitan arthritis. Di antara 100 jenis arthritis yang dicatatkan, dalam teks perubatan Melayu, arthritis dijelaskan dalam pelbagai teks sebagai sengal kaki atau sengal sendi. Dengan menggunakan metodologi induktif dan deduktif, artikel ini bertujuan untuk meneroka latar belakang sejarah arthritis sebagai penyakit di kalangan manusia, untuk memeriksa gejala dan pencegahan mereka dari perspektif perubatan Melayu. Untuk menerangkan idea-idea rawatan dari perspektif perubatan orang Melayu, analisis kami mendapati bahawa orang Melayu diasimilasi dengan penyakit yang berkaitan atau jumlah ramuan untuk merawat penyakit dalam kehidupan seharian. Semua bahagian anatomi tumbuhan digunakan: cabang, akar, biji, kulit kayu, getah, dan ranting dengan lebih dari 20 jenis tanaman ubat, zat mineral dan minyak, bahagian dan produk haiwan digunakan untuk mencegah penyakit dalam masyarakat.

Kata kunci: arthritis, penyakit tidak berjangkit, Kitab Perubatan Melayu

1 Pengenalan


Menurut “Oxford Advanced Learner's Dictionary” (2021) perkataan ‘Arthritis’ meminjam dari bahasa Greek, dari dua perkataan iaitu ‘*Arthon*’ yang bermaksud sendi dan ‘*itis*’ dari makna kesakitan, bengkak, kemerahan atau kekejangan sendi. Sesuai dengan makna yang digambarkan di atas, penyakit ini secara lazimnya melibatkan perubahan biologi atau psikologi akibat dari kegagalan fungsi organ atau sistem tertentu dalam badan, yang mendatangkan kesakitan

terutamanya di bahagian sendi, sehingga mampu menyebabkan sendi seseorang itu berair dan meradang (Paget, Stephen A, Lockshin, Michael D, Loebel & Suzanne, 2002). Sehingga kini, punca terjadinya penyakit arthritis ini belum diketahui secara jelas, selain daripada dikaitkan dengan faktor genetik dan tindak balas daripada alam sekitar (Drake R, Vogl AW & Mitchell AWM, 2009). Arthritis dan varian yang seumpama dengannya, bukanlah penyakit baru yang menimpa manusia, bahkan kajian saintifik telah menemukan gejala arthritis (*ankylosing spondylitis*) sejak 1500SM lagi - pada Mumia Ramses II. Begitu juga dengan penemuan pada 400 jenis rangka manusia dari Saxon, Romano-British yang menunjukkan tanda-tanda *arthritis*, *osteoarthritis* and *osteophytosis* (Shrikant Deshpande, 2014). Shrikant Deshpande dalam kajian beliau pula memaparkan data mengenai jangkitan rheumatism pada beberapa tokoh terkemuka, mereka antara lain ialah Constantine IX (RA), Peter Giotosa (Ankylosing spondylitis), Mary Queen of Scots (Marfan's Syndrome), Christopher Columbus (Reiter's Syndrome), Benjamin Franklin (Gout), dan Nicolo Paganini (Ehlers-Danlos Syndrome) (Shrikant Deshpande, 2014).

Sehingga pada abad ke 20M, para saintis cenderung untuk mengemukakan pendapat bahawa arthritis melibatkan kombinasi faktor genetik atau disebabkan oleh jangkitan dari organisma jenis *Mycoplasma*, yang boleh membawa kerosakan terhadap sistem metabolik atau melemahkan sistem imun badan. Antara gejala yang dikenalpasti adalah serangan sakit pada sendi, jangkitan kuman dan demam menggigil. Diagnosis bagi penyakit ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, antaranya ialah;

- a. **Osteoarthritis (Oa):** Simptom bagi penyakit ini berlaku apabila kusen tulang rawan yang ada pada hujung tulang telah haus, menyebabkan pergeseran tulang antara satu sama lain. Adakalanya bagi sesetengah keadaan, tulang rawan menjadi rapuh atau hancur rapuh, menyebabkan pelindung ruang diantara ruang berkurangan. Osteoarthritis (OA) ini merupakan jenis penyakit arthritis yang paling lazim dihidapi terjadi pada sekitar 37% orang berusia 60 tahun atau lebih dan sebahagian besarnya berlaku dalam kalangan warga tua. Dari tahun 1995 hingga 2005, jumlah pesakit yang mengidap OA telah meningkat 21 juta menjadi hampir 27 juta di Amerika Syarikat. Laporan dari WHO mengesahkan bahawa *osteoarthritis* di seluruh dunia dihidapi oleh 9.6% peratus lelaki dan 18 peratus dari kalangan wanita berumur 60 tahun ke atas (Haq I, Murphy E & Dacre J, 2003).


- b. Pesakit yang mengidap penyakit ini akan merasakan sakit yang berlebihan apabila melakukan pergerakan yang kerap. Terdapat kejadian Osteoarthritis (OA) yang juga berlaku pada atlet seperti koyakan di bahagian *ligament anterior cruciate* (ACL) ataupun kecederaan sekitar kawasan sendiri juga boleh mendorong kepada arthritis (Scott DL, 2006).



Sumber: www.news-medical.net


- c. **Rheumatoid Arthritis (Ra)** pula merupakan penyakit yang datang dari serangan sistem imun badan pesakit sendiri, yang sekaligus mampu merosakkan permukaan tulang di kedua-dua bahagian atas dan bawah (*sinovial nerve*). Keadaan ini biasanya berlaku pada jari, ibu jari, pergelangan tangan, siku, bahu, lutut, kaki dan pergelangan tangan. Penyakit jenis ini lebih kerap dihadapi oleh kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki, oleh kerana tindakan daya tahanan badan yang bercelaru di mana tubuh badan sendiri menghasilkan antibodi untuk menyerang sendi-sendi sendiri. Kekejangan ini akan lebih kerap berlaku pada waktu pagi dan mengambil masa lebih dari setengah jam melibatkan sendi-sendi di bahagian jari, pergelangan tangan dan kaki. Adakalanya serangan jenis *rheumatic arthritis* ini juga akan menyerang bahagian sendi bahu dan pinggul. Diantara tanda-tanda awal yang dikenalpasti bagi penyakit ini adalah pesakit akan merasa sakit di bahagian sendi tertentu, sendi bengkak yang terasa sangat panas apabila disentuh, sendi menjadi kejang pada waktu pagi, benjolan tisu yang besar pada lengan (*Nodul rheumatoid*), badan sentiasa keletihan dan berlaku penurunan berat badan (Scott DL, 2006). Data Pendaftaran Arthritis Radang Kebangsaan (NIAR), Malaysia yang dicatatkan

sehingga September 2018 misalnya, mendapati terdapat seramai 6,059 pesakit menghidap ‘*rheumatoid arthritis*’, yang mana 87.4 peratus darinya adalah wanita. Ini menunjukkan nisbah seorang lelaki berbanding tujuh wanita menderita menghidap penyakit sendi (Osman Lisut, 2019).



Sumber: medlineplus.gov/genetics/condition/rheumatoid-arthritis

- d.** **Gout**, iaitu merupakan satu lagi bentuk arthritis yang berlaku akibat gangguan metabolik, penghabluran asid urik di rongga sendi, antara tulang dengan pembentukan kristal asid urik yang gagal dikeluarkan dari badan dengan baik. Kristal asid urid ini terbentuk melalui pembentukan pemecahan urin yang tinggi dan berlebihan, yang terhasil daripada bahan kimia dari bahan makanan (Kuo, C. F., Grainge, M. J., Zhang, W., & Doherty, 2015). Permukaan yang sakit ini lazimnya akan terlihat melalui benjolan yang disebut sebagai *tophi*. Penyakit gout ini lebih mudah untuk dikenalpasti apabila pesakit mula menunjukkan symptom-simptom awal seperti kaki membengkak, sakit, merah dan panas. Berbanding dengan *Rheumatoid Arthritis* (Ra), penyakit Gout pula lebih mudah menyerang kaum lelaki pertengahan umur. Statistik di UK melaporkan bahawa 1.4 peratus dari kalangan orang dewasa di UK pernah diserang oleh Gout, dengan kekerapan sebanyak 225,000 orang dari kalangan lelaki, manakala sejumlah 57,000 pesakit pula dari kalangan wanita.



Sumber:

<https://dietideas.com.my/>

- e. **Polymyalgia rheumatica**, pula merujuk pada gangguan otot, tetapi boleh mempengaruhi sendi orang berumur lebih dari 50 tahun. Ia menyerang pinggul dan bahu dan menyebabkan rasa lemah sendi dan sakit otot.
- f. **Psoriatic arthritis**, iaitu penyakit yang mempunyai dua jenis jangkitan iaitu arthritis dan penyakit kulit psoriasis. Arthritis psoriatik berlaku pada 7 peratus pesakit dengan psoriasis, dan 20 peratus pesakit dengan arthritis psoriatik mempunyai psoriasis. Kadang-kadang, satu-satunya simptom adalah perubahan pada kuku - sama ada lubang atau perubahan warna. Keadaan ini biasanya hanya mempengaruhi satu atau dua sendi.



Sumber: www.medpagetoday.com

- g. Infectious or micro-organism-related arthritis-** Bentuk arthritis ini berasal dari jangkitan bakteria, virus atau kulat yang merebak dari bahagian badan yang lain. Jenis yang dijumpai termasuk arthritis virus (disebabkan oleh virus seperti rubella), arthritis septik (disebabkan oleh bakteria seperti staphylococci) dan demam reumatik (dari jangkitan tekak yang disebabkan oleh streptokokus atau seumpamanya). Walau bagaimanapun, saintis perubatan juga mengaitkan bahawa varian arthritis jenis ini juga mempunyai hubungan antara sakit sendi seperti parasite (Kathleen Gutierrez, 2009).

2 Skop dan Metodologi

Perbincangan dalam artikel ini akan memberi fokus utama terhadap penyakit arthritis melalui huraian dan perbincangan dalam perbahasan al-Quran, fiqh al-hadith serta perbandingan dengan perbincangan tentang demam manuskrip pengobatan Melayu. Hadith-hadith yang dijadikan sebagai sumber carian daripada sumber al-Kutub al-Sittah yang merujuk kepada Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Jami` alTirmidhi, Sunan al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah.

Perbincangan dan perbahasan tentang demam dalam hadith tersebut dirujuk kepada huraian dan perbincangan dalam kitab-kitab syarah hadith secara langsung. Manakala perbincangan dari manuskrip adalah merujuk kepada beberapa koleksi korpus pengobatan Melayu antaranya melibatkan naskhah [MSS3296, MSS2836, MSS3126, MSS3642, MSS 489, Kitab Bermacam-macam Khasiat] dengan fokus kepada perbincangan yang menyebutkan tentang sakit sendi dan radang pada saraf, yang dijangka dapat membantu di dalam kawalan penyakit arthritis yang menyerupai sifat yang dihadapi oleh penyakit arthritis. Analisis dijalankan melalui metode analisis kandungan berasaskan induktif dan deduktif serta perbandingan antara perbincangan dalam manuskrip terhadap demam dan pemahaman daripada hadith berasaskan fiqh al-hadith. Analisis lebih tertumpu kepada perbandingan aspek yang mempunyai hubungan dan kaitan yang rapat antara perbincangan dalam manuskrip dengan apa yang difahami dalam fiqh al-hadith. Hal ini boleh diandaikan kemungkinan penulis manuskrip mempunyai pengetahuan ilmu tentang berkaitan dengan sendi dan saraf serta digabungkan dengan

pengalaman sedia ada yang dimiliki turun temurun serta dibandingkan dengan apa yang difahami daripada nas hadith. Kajian ini secara tuntasnya berusaha untuk menilai aspek perbezaan dan persamaan terhadap falsafah perubatan, kaedah penyediaan ubatan, dan kaedah rawatan di dalam merawat penyakit arthritis dan seumpamanya dari sudut pandang hadith dan perspektif amalan masyarakat Melayu, melalui sampel kajian terhadap manuskrip-manuskrip yang telah disenaraikan.

3 Hasil Kajian

Penelitian mengenai kaedah rawatan penyakit arthritis ini mendapati bahawa generasi silam telah mengguna pakai beberapa kaedah rawatan komplementari untuk mengatasi masalah gout. Hippocrates, Sydenham and Galen misalnya mencadangkan agar pesakit mengkonsumsi air barli atau roti dari barli sebagai salah satu rawatan untuk mengurangkan radang pada sendi ini (Shrikant Deshpande, 2014). Alexander of Tralles, ahli fizik Byzantine pula telah menemui *colchicine*, sejenis alkaloid daripada jenis *crocus (Colchicum autumnale)*, bagi rawatan gout pada abad ke 6M. Selain itu, rawatan spa dengan wap air panas atau mandian air sejuk dianggap sebagai kaedah alternatif yang difikirkan sesuai bagi mengurangkan radang sendi. Jika di Mesir dan Assyria, masyarakatnya menggunakan ekstrak pokok dedalu (*willow bark tree*) bagi mengurangkan radang pada sendi pada pesakit (Stone E, 1753). Pada abad ke 19M, aspirin digunakan secara meluas di dalam membantu rawatan demam yang disebabkan oleh radang pada sendi setelah di diperkenalkan oleh Felix Hoffman pada tahun 1897.

3.1 Perbincangan Mengenai Sakit Sendi Dari Perspektif Al-Quran dan Hadith

Berdasarkan kepada carian dan tapisan terhadap ayat-ayat al-Quran dan hadith, kajian mendapati terdapat hanya satu (1) hadith yang berkait dengan sebutan mengenai arthritis atau radang sendi seperti hadith, daripada ‘Imran ibn Husayn meriwayatkan:

عن عمران بن حصين أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبْصَرَ عَلَى عَضُدِ رَجُلٍ حَلَقَةً أَرَاهُ قَالَ مِنْ صُفْرِ فَقَالَ وَيْحَكَ مَا هَذِهِ قَالَ مِنَ الْوَاهِنَةِ قَالَ أَمَا إِنَّهَا لَا تَزِيدُكَ إِلَّا وَهْنًا أَنْبَذَهَا عَنْكَ فَإِنَّكَ لَوْ مِتَّ وَهِيَ عَلَيْكَ مَا أَلْفَلَحْتَ أَبَدًا

Maksudnya: Nabi SAW, melihat seorang lelaki memakai cincin tembaga sebagai azimat buat dirinya. Nabi SAW bersabda, "Celakalah kamu! Apakah ini?" Lelaki itu berkata, "Ini adalah perlindungan dari arthritis (radang sendi) saya." Baginda seterusnya berkata, "Buanglah/lepaskanlah diri darinya, kerana itu hanya akan menambah radang sendi kamu. Sekiranya kamu mati semasa memakainya, kamu pasti tidak akan berjaya (tidak terlepas dari azab Allah kerana mensyirikannya). (Musnad Ahmad: 19498)

Merujuk kepada zahir hadith, secara umumnya Nabi SAW menjelaskan bahawa rawatan terhadap penyakit arthritis (radang sendi) tidak mempunyai perkaitan dengan pemakaian cincin tembaga sebagai sumber rawatan. Malah dari sudut pandang yang lain, Nabi SAW menggambarkan bahawa tidak ada manfaatnya bagi si pemakai, sebagai merujuk perbuatan itu sebagai kepercayaan khurafat dan syirik terhadap Allah SWT. Dalam usaha memberi makna terhadap 'buang/lepaskanlah', Rasulullah SAW menggambarkan bahawa kaedah yang bercanggah dengan syara' ini akan menambahkan lagi kesakitan terhadap penyakit sedia ada, memandangkan fungsi cincin azimat yang dianggap sebagai penyembuh, tidak mampu menyembuhkan, malah akan mendorong pemiliknya kepada syirik besar kepada Allah. Disini jelaslah bahawa tidak ada keperluan bagi pesakit arthritis untuk menggunakan kaedah pemakaian apa jua bentuk perhiasan dengan niat penyembuhan terhadap penyakit ini. Cincin besi, atau emas atau apa pun yang lain, untuk tujuan penyembuhan, atau dari tulang di tangan atau seumpamanya, dan dari corak baru ini yang digunakan oleh beberapa orang, logam adalah jenis yang sama kerana ini mesti dicegah.

Sebahagian dari mereka mengatakan: Ia mampu mencegah dari reumatik, malah apa sahaja yang digantung dari tulang atau rambut serigala, atau dari azimat dan perkara yang tidak diketahui, semua ini harus dicegah dan semua itu termasuk dalam firman Allah SWT yang bermaksud; Barangsiapa yang melekatkan azimat, Allah tidak akan membantunya. Hal ini dapat diambil melalui contoh peristiwa dimana Hudhayfah menemui seorang lelaki yang sakit dan mendapati bahawa dia menggantung benang di badannya, dia berkata: Apa ini? Dia berkata: Dari demam, dia memotongnya dan membacanya.

قوله تعالى: وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ (106)

Bermaksud: Dan (orang-orang yang beriman kepada Allah), kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukannya juga dengan yang lain. (Surah Yusuf: 106)

Secara simboliknya hadith ini juga melarang keras seseorang Muslim untuk menggantung tali atau cincin, atau azimat, atau apa pun sahaja, serta wajib mereka menjauhkan diri dari perkara-perkara ini yang biasa digunakan oleh golongan jahiliyyah, dan mematuhi perintah Allah yang ditetapkan di dalam al-Quran dan Sunnah (Syeikh Imam Ibn Bar, 2008). Mengenai ubat biasa yang dibenarkan, tidak ada yang salah dengannya, ubat adalah sesuatu yang dimakan atau minum atau sesuatu yang dibenarkan dari pil, jarum, pembalut, atau sesuatu yang boleh menyembuhkan mengikut syariat Allah. Adapun azimat gantung, yang merupakan perkara yang ditulis atau tambalan, atau menggantungkan besi atau kepingan goresan atau emas, atau perak, atau sesuatu seperti itu, inilah adalah diharamkan, dianggap sebagai azimat dan membawa kepada kesyirikan. Adapun ubat-ubatan yang telah disahkan manfaatnya oleh pengamal perubatan, seperti minuman atau makanan, atau pembalut, atau pil untuk dimakan, atau seumpama dengannya, tidaklah termasuk dalam kategori yang diharamkan (Imam Ibn Qayyim al-Jauziyah, 1424).

Meskipun tidak ditemui perbahasan khusus yang merujuk mengenai kaedah dan rawatan arthritis di dalam al-Quran mahupun hadith, beberapa amalan daripada ayat al-Quran telah dihebahkan oleh beberapa perawat Islam dan para alim ulama, antaranya ialah dengan sandaran ayat-ayat sebagaimana berikut;

Ayat pertama;

وَإِذَا بَطَشْتُمْ بَطَشْتُمْ جَبَّارِينَ (130)

Terjemahan: Dan apabila kamu menyiksa, maka kamu lakukan secara kejam dan bengis. (Surah Asy-Syu'ara':130)

Seorang perawat perubatan komplementari mencadangkan bacaan diniatkan agar memperoleh kesembuhan daripada Allah, dan seterusnya ayat ini dibacakan sebanyak tiga kali di lokasi sendi dan bahagian sendi yang sakit. Ayat ini mempunyai maksud 'jabbar' yang memuji kekuatan zat Allah, sebagai sandaran bagi kesembuhan sakit yang dialami, memohon dikuatkan bahagian yang sakit.

Ayat kedua;

وَقَوْمٍ اسْتَغْفِرُوا رَبَّهُمْ ثُمَّ تُؤْوُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِيدُكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا
مُجْرِمِينَ (52)

Terjemahan: Dan (Hud berkata), “Wahai kaumku! Mohonlah ampunan kepada Tuhanmu lalu bertobatlah kepada-Nya, niscaya Dia menurunkan hujan yang sangat deras, Dia akan menambahkan kekuatan di atas kekuatanmu, dan janganlah kamu berpaling menjadi orang yang berdosa.” (Surah Hud: 52)

Amalan ini dikongsikan oleh Ustaz Hamdan Abdullah, pengasas Pusat Rawatan Darul Fitrah dan Ustaz Abdullah Amin, dengan bersandar pada mukjizat al-Quran yang memberi kekuatan di atas kekuatan, sekiranya dibacakan kepada sendi yang sakit, dengan izin Allah sendinya akan sentiasa sihat dan dihindarkan dari sebarang bahaya. Meskipun kedua dua amalan ini tidak mengkhususkan secara langsung kaedah rawatan merujuk kepada sakit sendi, tetapi secara asasnya ia kembali kepada landasan bahawa al-Quran adalah merupakan syifa', bersifat penyembuh bagi segala penyakit. Terdapat dua teori berkenaan hal ini. Teori pertama mengatakan bahawa ayat Quran keseluruhannya adalah syifa. Manakala, teori kedua pula mengatakan bahawa ayat Quran tertentu bersesuaian dengan penyakit tertentu. Berikut adalah perbincangan mengenai dua teori (Al-Banna, Mustafa Kamal, 2017) tersebut:

Aliran Pertama : Keseluruhan ayat Quran adalah Syifa.

Majoriti ulama yang terdiri di antaranya, Al-Qurtubi (2006), Ibin A'thiyyah (2001), Imam Al-Razi (1981), Imam Al-Alusi (n.d.), Abu Hayyan Al-Andalusi (1993), Ibin Al-Jauzi (1983), dan Dr. Solah Al-Khalidi (1985) mengatakan bahawa keseluruhan ayat Quran adalah Syifa .

Aliran Kedua : Penggunaan Ayat Quran Tertentu bagi Penyakit Tertentu.

Pemilihan ayat berdasarkan penyakit adalah dengan mengambil kira sifat penyakit dengan kesesuaian maksud dari ayat Quran. Ini bermaksud, lafaz ayat Quran tersebut menepati keadaan atau situasi sesuatu penyakit, dan tidak semestinya makna dan tafsir ayat pilihan tersebut menepati keadaan penyakit itu.

3.1.2 Kaedah Rawatan Penyakit Sendi

Dari aspek penggunaan bahan rawatan yang disarankan dalam hadith, Nabi SAW pernah disebutkan di dalam beberapa riwayat hadith mengenai kaedah yang boleh dilakukan berkaitan dengan sendi yang luka atau yang terkena jangkitan kuman. Hal ini dirakamkan melalui peristiwa

Jabir bin 'Abdullah meriwayatkan bahawa Nabi SAW pernah mengirimkan seorang doktor kepada Ubay bin Ka'b dan beliau dirawat dengan membuat sedikit tusukan pada salah satu sendi Ubay yang sakit dan kemudian menyembuhkan luka tersebut dilayur sedikit dengan api bagi tujuan menghilangkan racun (Imam Ibn Qayyim al-Jauziyah, 1424). Di dalam situasi lain pula, ketika mana Sa bin bin Mo'az cedera di sendi di bahagian pangkal lengannya, Nabi s.a.w merawatnya dengan menggunakan teknik cauterasi, iaitu suatu teknik pembakaran peranti logam, yang biasanya dipanaskan di atas api, sehingga lepuh merah menyala, seterusnya logam tersebut ditekapkan di bahagian luka tersebut. Amalan ini menjadi suatu penawar yang lazim diaplikasikan pada zama Rasulullah, bagi tujuan memusnahkan beberapa tisu, dalam usaha untuk mengurangkan kerosakan, menghapuskan pertumbuhan yang tidak diinginkan, atau meminimumkan yang lain kemungkinan potensi perubatan yang berbahaya seperti jangkitan, apabila antibiotik tidak tersedia.

Dalam riwayat lain pula, ada menyebutkan bahawa Nabi melakukan teknik cauterasi pada sendi lengan Sa'd bin Mu'adh menggunakan hujung anak panah. Abu 'Ubayd juga meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah mengalami luka, lalu Nabi SAW telah meminta para sahabat untuk membantu dengan rawatan teknik cauterasi, tetapi kali ini Baginda perintahkan agar menggunakan batu yang dipanaskan, kemudian ia diikat pada luka untuk menutup bahagian sendi di pergelangan lengan yang sakit. Di dalam peristiwa yang lain, al-Bukhary pernah meriwayatkan bahawa pernah menjalankan rawatan dengan menggunakan kaedah ini apabila beliau mengidap sakit pleurisy, iaitu radang pada membrane yang mengelilingi paru-paru dan garis rongga dada.

At-Tharmidhi pula menambah bahawa Rasulullah juga pernah melakukan kaedah cauterasi dengan bahan panas kepada As'ad bin Zurarah sewaktu beliau mendapat jangkitan kuman pada jarinya, dan melalui kaedah ini, ia mampu untuk mematikan bakteria atau menghentikan jangkitan bakteria yang lebih teruk pada sendi (Imam Ibn Qayyim al-Jauziyah, 1424). Teknik ini menurut Ibn Qutaybah boleh diaplikasikan bagi tujuan mencegah penyakit, bersesuaian dengan pernyataan bahawa “Barangsiapa yang tidak berikhtiar dengan kaedah cauterisasi seumpama seumpama orang yang berputus asa dengan takdir yang berlaku. Kedua, teknik rawatan ini boleh dilakukan bagi mengelakkan jangkitan kuman dari merebak ke bahagian anggota yang lain (Imam Ibn Qayyim al-Jauziyah, 1424). Ringkasnya, meskipun teknik cauterasi ini tidak menjelaskan secara nyata bahawa ia merupakan rawatan khusus terhadap varian arthritis secara keseluruhan kategori, namun pelaksanaan pencegahan di dalam rawatan penyakit ini berkait rapat dengan bahagian sendi, dan kaedah ini amat efektif bagi mematikan jangkitan kuman di bahagian sendi-antaranya bagi jenis penyakit *Infectious or micro-organism-related arthritis*.

3.2 Perbincangan Tentang Demam dan Rawatannya Dalam Manuskrip Perubatan Melayu, Kitab Bermacam-Macam Khasiat

Perbincangan mengenai kaedah dan rawatan di dalam menangani varian arthritis meskipun tidak diperjelaskan di dalam preskripsi yang pelbagai dari bahasan ilmu hadith, tidak membataskan alternatif rawatannya melalui perspektif lokal setiap bangsa, khususnya bagi masyarakat Melayu

tempatan. Analisa yang dilakukan di dalam preskripsi berbeza di dalam enam (6) buah manuskrip perubatan Melayu yang ditulis dalam lingkungan abad ke 18-19M menunjukkan terdapat perbincangan mengenai tatacara, preskripsi dan kaedah rawatan di dalam menangani simptom dan penyakit dari varian arthritis. Carian menerusi compendium herba ini menemui sekurang-kurangnya terdapat 13 herba utama yang digunakan bagi proses rawatan pencegahan ini disenaraikan sebagaimana di dalam rajah 1;

Rajah 1: Inventori Herba Yang Dijadikan Ramuan Dalam Rawatan Athritis

Famili/Spesis	Nama Vernakular	Habitat	Status
Lamiaceae			
<i>Vitex trifolia</i>	Lengguni/lemuni	Belukar	Liar
Amaryllidaceae			
<i>Allium sativum</i>	Bawang putih	Dibiakkan	Liar
Leguminosae			
<i>A. jiringa</i>	Jering	Belukar	Liar
Piperaceae			
<i>Piper betle</i>	Sirih	Dibiakkan	Liar
Arecaceae			
<i>A. catechu</i>	Pinang	Belukar	Liar

Zingiberaceae			
<i>Zingiber officinale R.</i>	Halia	Dibiakkan	Liar
Apiaceae			
<i>C. cyminum</i>	Jintan	Dibiakkan	Liar
Zingiberaceae			
<i>Curcuma longa</i>	Kunyit	Dibiakkan	Liar
Apiaceae			
<i>Eryngium foetidum</i>	Jemuju	Belukar	Liar
Euphorbiaceae			
<i>Phyllanthus pulcher</i>	Naga Buana	Belukar	Liar
Solanaceae			
<i>Solanum Nigrum.M</i>	Terung Perat	Dibiakkan	Liar
Solanaceae			
<i>Solanum ferox L.</i>	Terung Asam	Dibiakkan	Liar

Arecaceae			
<i>Acorus calamus</i>	Jerangau	Belukar	Liar
Santalaceae			
<i>Santalum album</i>	Cendana	Hutan	Liar
Sumber: Analisa kajian			

Beberapa preskripsi mengenai tatacara dan kaedah dicadangkan oleh para pengamal perubatan tradisi dengan beberapa kaedah yang berbeza, sebagaimana di dalam rajah 2 berikut;

Rajah 2: Preskripsi dan Kaedah Rawatan di dalam Manuskrip Perubatan Melayu

Manuskrip	Jenis penyakit	Kaedah Pemprosesan
MSS 3296	Ubat sengal kaki	Daun lengguni, bawang putih, jering dipipiskan lumat-lumat dan diambil airnya. Pati ini kemudian dibedakkan pada tempat sakit.
MSS 3296	Ubat sengal dan sendi	<p><i>[Preskripsi I]</i> Akar kayu direbus bersama sirih pinang dan halia yang dibelah empat. Kemudian, campurkan bahan ini bersama air madu dan minyak sapi, seterusnya diberi minum kepada pesakit pada waktu pagi dan petang.</p> <p><i>[Preskripsi II]</i> Pipiskan bahan-bahan iaitu jintan hitam dan putih, ibu kunyit dan biji lenga. Sapukan bahan ini pada sendi yang sakit.</p>

Manuskrip	Jenis penyakit	Kaedah Pemrosesan
MSS 2836	Ubat sakit sendi dan urat	<p>Ambil akar muju, akar naga buana, kulit betik, rumput pulut hitam, daun tatar, akar terung perat, akar terung asam, akar terung pipit dan akar sitaguri, akar dan daun pokok lengguni serta akar bayam batu.</p> <p>Setiap satu perkara itu ambil sepuluh tahlil, tumbuk dan rebus dengan empat gantang air sekadar masak, maka tapiskan dan diambil airnya itu campurkan dengan minyak lenga segantang. Seterusnya tambahkan dua tahlil adas manis, jintan manis, akar batu, jerangau, terusi, cendana, rumput tapak kayu, daun kacang hantu dan garam. Semua bahan tersebut digiling lumat-lumat, bubuh ke dalam air yang ditapis tadi. Kemudian ambil pula pati air tunjuk langit segantang, ambil susu lembu empat gantang maka campurkan ke dalam air itu.</p> <p>Air dipermasakkan sehingga menjadi minyak. Minyak ini baik untuk diurutkan pada tubuh yang sakit.</p>
MSS3126	Urat atau Sendi bersimpul	<p><i>[Preskripsi I]</i></p> <p>Ambil buah materapi yang muda dan jintan hitam, jintan putih, cabai, lada sulah, kemukus, cengkih, adas pedas, buah pelaga, kayu manis buah materapi, giling kesemuanya sehingga lumat dan letakkan pada tempat sakit.</p> <p><i>[Preskripsi II]</i></p> <p>Ambil kelembak, gaharu tenggelam, teras api-api, mani kemenyan sebesar jari manis, kapur barus secupak, kabait seperti taras berat sekupang, masak ia, boleh dimakan atau minum secawan pada setiap petang. Setelah itu, mandi dengan air hangat sepanjang mengkomsumsi ubat itu, juga digalakkan berpantang selama tempoh ubat ini diambil.</p>
Mss 3126	Bengkak Sendi	<p>Penyakit ini diubati dengan menggunakan kulit masir, kulit pelali pauh, buah pauh hutan, kulit saga, isi buah genuak, dan pucuk derdap. Kesemua bahan-bahan ini diasah dengan air pinang kemudian letakkannya pada tempat yang bengkak.</p>

Manuskrip	Jenis penyakit	Kaedah Pemprosesan
MSS3642	Bengkak sakit dalam sendi atau dalam tulang	Ambil jintan hitam, jintan putih, jemuju, dicampur bersama dan dimasak. Makjun ini kemudiannya dimakan selama tujuh hari. Dicampurkan dengan cuka menahun makan diminum tiga hari.
MSS489	Bengkak Sendi	Ambil beras pulut hitam yang sudah digiling. Kemudian, layurkan daun suluh di atas bara kayu. Maka perah ambil airnya. Lumurkan pada bengkak.
Kitab Bermacam-macam khasiat	Sakit sendi	Diperah tekstur air timun dan diminum setiap awal pagi.

Sumber: Analisa kajian

Berdasarkan kepada rajah 2 di atas, analisa mendapati bahawa secara asasnya ramuan akan disediakan dengan adunan campuran materia medika sehingga beroleh pati airnya, kemudian pati air tersebut disarankan tatacara rawatannya samada di sapukan atau diurutkan kepada bahagian tubuh pesakit berkenaan atau dikosumsi sebagai ubat. Berbanding dengan kaedah rawatan cauterasi sebagaimana yang dicadangkan oleh Rasulullah SAW, masyarakat Melayu lebih cenderung untuk memproses dan berekperimentasi dengan tumbuhan di sekitar kehidupan mereka, sebagai usaha untuk mengurangkan kadar kesakitan yang dialami, sekaligus berharap agar sakit yang dihadapi dapat disembuhkan. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa dalam melihat kepada perbincangan tentang arthritis dan variannya dalam manuskrip pengobatan, jelas menunjukkan kepada penggunaan herba dan tumbuhan sebagai bahan rawatan amat penting dalam menangani sakit yang dihadapi.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, perbincangan mengenai penyakit arthritis dan variannya sehingga kajian ini dilakukan belum menemui lagi akan catatan khusus mengenainya di dalam al-Quran. Meskipun

begitu, beberapa saranan terhadap bacaan ayat-ayat tertentu disyorkan oleh para ulama dan pengamal perubatan Islam sebagai usaha bagi memperoleh kesihatan pada pada bahagian otot / sendi badan di badan pesakit. Melalui kacamata Hadith pula, terdapat beberapa catitan peristiwa menyebut keterlibatan Rasulullah SAW samada di dalam bentuk pandangan, mahupun saranan akan kaedah rawatan yang bersesuaian di dalam menyekat jangkitan kuman berkaitan otot/ sendi pada badan para pesakit. Menariknya, jika dari sudut pandangan kearifan tempatan, terdapat beberapa saranan akan kaedah rawatan di dalam menangani penyakit arthritis dan variannya, di mana kebanyakannya ramuan yang ditawarkan adalah dalam bentuk sapuan pada permukaan kulit untuk merawat jangkitan kulit di beberapa bahagian otot dan sendi yang sakit. Tuntasnya, rawatan bagi penyakit arthritis ini boleh diterokai dengan lebih lanjut, melalui unjuran yang disarankan oleh al-Quran dan Hadith, malah tatacara yang ditawarkan para pengamal perubatan tradisonal boleh dilanjutkan melalui kajian saintifik yang lebih terperinci.

Penghargaan

Artikel ini adalah hasil penyelidikan di bawah geran penyelidikan dari Universiti Sains Islam Malaysia melalui geran FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/5 bertajuk Pendekatan Baharu Dalam Penjagaan Kesihatan Bersasaskan Nutrigenomik Menurut Perspektif Quran, Sunnah dan ManuskripPerubatan.

Rujukan

Al Quran ; Surah Asy-Syu'ara', ayat 130.

Haq I, Murphy E, Dacre J. Osteoarthritis. *Postgrad Med J*, 2003, 79:377–383.

Ibn Qayyim al-Jauziyah (2003). *Healing with The Medicine of the Prophet*. Egypt Al-Mansoura :Dar Al-Ghadd Al-Gadeed.

Kathleen Gutierrez (2009). “Infectious and Inflammatory Arthritis” in book chapter Sarah Long (Eds.), *Principles and Practice of Pediatric Infectious Disease Revised Reprint (3rd Edition)*, Netherlands: Elsevier Publisher.

Keiser H, Ruben FL, Wolinsky E, et al.(1968). “Clinical forms of gonococcal arthritis” in *The New England Journal of Medicine*, Aug 1;279(5).

Kuo, C. F., Grainge, M. J., Zhang, W., & Doherty, M. (2015). Global epidemiology of gout: prevalence, incidence and risk factors. *Nature reviews rheumatology*, 11(11).

Laupattarakasem W Et al.2008 “Arthroscopic debridement for knee osteoarthritis”. *Cochrane Database of Syst Rev*, Issue 1, No Jan 23;(1).

Osman lisut, “Ramai Wanita Derita Penyakit Sendi”, *Berita Harian Online*, 12 Okt 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/616895/ramai-wanita-derita-sakit-sendi>

Oxford Advanced Learner's Dictionary, "arthritis noun - Definition, pictures, pronunciation and usage notes ". www.oxfordlearnersdictionaries.com. Lamanweb dicapai pada 2 Jun 2021.

R.L. Drake, W. Vogl, A.W.M. Skeletal Muscle System. Mitchell Elsevier Churchill Livingstone: Toronto, Ontario, Canada. 2005.

Stephen A. Paget M.D. (2002). *The Hospital for Special Surgery Rheumatoid Arthritis Handbook*. New York: John Wiley & Sons.

Scott DL. (2006). “Osteoarthritis and rheumatoid arthritis”. In book chapter McMahon SB, Koltzenburg M (eds). *Wall and Melzack’s textbook of pain*. London: Elsevier.

Shrikant Deshpande (2014). “History of Rheumatology”, *Medical Journal*, Mac-April 2014, Vol. 7, Issue 2.

Stone E. “An Account Of The Success Of The Bark Of The Willow In The Cure Of Agues” in *Philos Trans R Soc Lond* 1753; 53.

Syeikh Imam ibn Bar, Pengertian cincin dan benang yang digunakan untuk menghindari penyakit dan pengertian syirik. www.binbaz.org.sa/fatwas/72339.

WHO Department of Chronic Diseases and Health Promotion. Available at: <http://www.who.int/chp/topics/rheumatic/en/>